



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**IKLAN PENGAMBILAN KHAS  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41  
SECARA *CONTRACT OF SERVICE*  
DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2021**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui persetujuan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM) dengan ini mempelawa calon yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk memohon dalam Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara *Contract of Service* (CoS) di sekolah-sekolah KPM seluruh negara.

### 1. KETERANGAN PROGRAM

- 1.1. Nama jawatan:  
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (***Contract of Service***).
- 1.2. Pengambilan Khas PPP bagi penempatan di:
  - A. **Sekolah Kebangsaan (SK);**
  - B. **Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC); dan**
  - C. **Sekolah Menengah (Aliran Perdana/ Teknik dan Vokasional).**
- 1.3. Opsyen yang ditawarkan dalam Pengambilan Khas secara (*Contract of Service*) di:

#### 1) Sekolah Kebangsaan (SK)

Opsyen	
1) Pendidikan Islam	2) Bahasa Inggeris
3) Pendidikan Seni Visual	4) Pendidikan Khas
5) Pendidikan Jasmani Dan Pendidikan Kesihatan	6) Bahasa Semai

## 2) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

Opsyen	
1) Pendidikan Seni Visual	2) Pendidikan Jasmani Dan Pendidikan Kesihatan
3) Bahasa Melayu	4) Pendidikan Islam
5) Bahasa Inggeris	6) Pendidikan Khas
7) Pendidikan Moral	8) Sejarah
9) Reka Bentuk Dan Teknologi	10) Bimbingan Dan Kaunseling
11) Pendidikan Muzik	

## 3) Sekolah Menengah (Aliran Perdana)

Opsyen	
1) Bahasa Melayu	2) Bahasa Inggeris
3) Pendidikan Islam	4) Pendidikan Jasmani Dan Pendidikan Kesihatan
5) Tahfiz	6) Bahasa Cina
7) Pendidikan Khas	8) Pendidikan Seni Visual

## 4) Sekolah Menengah (Aliran Teknik dan Vokasional)

Opsyen	
1) Teknologi Elektrik	2) Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara
3) Teknologi Pemesinan Industri	4) Teknologi Sistem Komputer dan Rangkaian
5) Teknologi Automotif	6) Akuakultur
7) Senibina Landskap	8) Pemprosesan Hasil Pertanian
9) Teknologi Enjin Marin	10) Teknologi Pembuatan Bot
11) Seni Reka Fesyen	

1.4 Syarat-syarat lantikan PPP Gred DG41 (*Contract Of Service*):

1) Syarat kelayakan asas:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Sihat tubuh badan;
- iii. Memiliki **Ijazah Sarjana Muda Kepujian dari Universiti Awam (UA)/ Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dalam dan luar negara** dalam opsyen berkaitan sahaja yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dengan **PNGK/ CGPA minimum 2.50**;
- iv. Memiliki sekurang-kurangnya kepujian dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu** dan **Sejarah** di peringkat **SPM** atau kelulusan yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan;
- v. Bagi opsyen **Bahasa Inggeris**, perlu mencapai sekurang-kurangnya **Band C1** dalam piawaian **Common European Framework of Reference (CEFR)** atau **Band 5** dalam peperiksaan **Malaysian University English Test (MUET)**;
- vi. Bagi pemohon **semua opsyen di SJKC** (kecuali Bahasa Melayu/ Pendidikan Islam/ Bahasa Inggeris) perlu memiliki sekurang-kurangnya **kepujian** dalam mata pelajaran **Bahasa Cina** di peringkat **SPM**;
- vii. Bagi pemohon opsyen **Tahfiz**, perlu memiliki **Sijil Tahfiz Malaysia** atau **Diploma Tahfiz** yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; dan
- viii. Bagi pemohon opsyen **Bahasa Semai** calon perlulah:
  - a) Memiliki **kelulusan** dalam bidang Bahasa Semai; atau
  - b) Memiliki kelulusan **bukan** dalam bidang Bahasa Semai tetapi **penutur asli (*native speaker*)** dalam bahasa tersebut; atau
  - c) Memiliki kelulusan **bukan** dalam bidang Bahasa Semai tetapi **mempunyai penguasaan yang baik** dalam bahasa tersebut.

## **2. MAKLUMAT JAWATAN**

- 2.1. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (*Contract of Service*):
- 1) Jawatan/ Gred: Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (*Contract of Service*);
  - 2) Gaji permulaan RM 2,188.00;
  - 3) Pelantikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (*Contract of Service*) adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2016; dan
  - 4) Layak menerima caruman PERKESO berdasarkan surat Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) rujukan PKJ:KJ.208/KPM bertarikh 24 April 2019 dan surat Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.600-12/1/11(29) bertarikh 16 Mei 2019.

## **3. CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON**

- a) Calon yang **sedang berkhidmat secara tetap** dengan Kerajaan Malaysia **tidak layak** memohon sebagai **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41 (*Contract of Service*)**;
- b) Calon yang **masih terikat dengan kontrak** perkhidmatan Agensi Kerajaan termasuk yang sedang mengikuti DPLI Mod Latihan Perguruan Kursus Dalam Cuti atau Mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah kelolaan KPM;
- c) Calon yang **masih terikat dengan kontrak** perkhidmatan Agensi Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak dan tidak mendapat pelepasan daripada pihak tersebut;
- d) Calon yang diisytiharkan **bankrap**;
- e) Calon yang **pernah meletak jawatan** dalam perkhidmatan Kerajaan bagi skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan; dan
- f) Calon yang **diberhentikan dari perkhidmatan Kerajaan** kerana tindakan tatatertib atau disabitkan dengan kesalahan jenayah/ penyalahgunaan dadah/ ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

#### 4. CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- a) Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian dengan melayari portal IPGM di alamat: <https://mydpdp.moe.gov.my> mulai **27 September 2021 (Isnin)**; dan
- b) Calon yang didapati memberi maklumat yang salah/ tidak benar/ manipulasi maklumat dalam permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran dan dikenakan tindakan undang-undang. Maklumat ini akan disemak secara terperinci pada hari temu duga, semasa lapor diri bertugas dan selama tempoh kontrak.

#### 5. MAKLUMAT DAN PERHATIAN

- a) Pemohon yang layak perlu menduduki **Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG)** sebelum ditemu duga bagi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41 (*Contract of Service*);
- b) Pemohon yang lulus temu duga dan ditawarkan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (*Contract of Service*) hendaklah bersetuju dan patuh dengan syarat-syarat di dalam surat tawaran serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa untuk berkhidmat di mana-mana sekolah sama ada di kawasan bandar atau pedalaman;
- c) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (*Contract of Service*) yang tiada ikhtisas pendidikan **diwajibkan** mengikuti **Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP)** secara Kursus Dalam Cuti yang akan dikendalikan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) bagi mendapatkan ikhtisas pendidikan dengan **pembiayaan sendiri** dalam tempoh kontrak dan layak menuntut elaun perjalanan untuk menghadiri kursus tersebut tertakluk peruntukan semasa Jabatan;
- d) Hanya Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (*Contract of Service*) **yang telah menamatkan dengan jayanya** Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) secara Kursus Dalam Cuti di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan **memperolehi ikhtisas pendidikan** sahaja akan diperakukan kepada **Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP)** selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM) untuk dipertimbangkan **pelantikan tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41**;
- e) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (*Contract of Service*) dikehendaki berkhidmat sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** di sekolah yang ditetapkan dan tidak akan dipertimbangkan sebarang permohonan pertukaran sepanjang tempoh kontrak;

- f) Semakan berhubung kelayakan menduduki UKCG, panggilan temu duga boleh dibuat di laman web IPGM (<https://mypdpp.moe.gov.my>); dan
- g) Semua pemohon perlu mendapatkan surat pengiktirafan ijazah daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk dibawa semasa menghadiri temu duga yang boleh dimuat turun daripada laman web di alamat:
- <http://www2.mqa.gov.my/mqr/>; atau
  - <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/>

## **6. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

**10 Oktober 2021 (Ahad)** sebelum jam 11.59 malam.